

D637

U 8651 AAB
PESURUHJAYA - PULANG
(I)

KUALA LUMPUR, 15 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN MEMANGGIL PULANG PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE SINGAPURA ENCIK K. THARMARATNAM UNTUK PERUNDINGAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN APABILA DITANYA OLEH PEMBERITA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MEMANGGIL PULANG PESURUHJAYA TINGGI ITU, EKORAN LAWATAN PRESIDEN ISRAEL CHAIM HERZOG KE REPUBLIK ITU YANG DIJADUALKAN MULAI 18 HINGGA 20 NOV.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENGULAS LEBIH LANJUT KEPADA PEMBERITA SELEPASBELIAU MERASMIKAN PERSIDANGAN PENGEDAR-PENGEDAR AMWAY TEMPATAN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU MENERIMA SATU NOTA BANTAHAN MENGENAI LAWATAN PEMIMPIN ISRAEL ITU KEPADA REPUBLIK BERKENAAN DARIPADA JAWATANKUASA BERTINDAK RAKYAT PAGI INI.

JAWATANKUASA ITU MELIPUTI BEBERAPA PERTUBUHAN TERMASUK PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN PARTI POLITIK LAIN TELAH DITUBUHKAN BARU-BARU INI UNTUK MEMBANTAH LAWATAN ITU. -- LAGI
2015MST 15 11 86

D640

U B652 AAB
PESURUHJAYA - PULANG 2 KUALA LUMPUR

NOTA BANTAHAN ITU MENGANDUNGI ANTARANYA MEMINTA KERAJAAN MEMANGGIL PULANG PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE SINGAPURA.

IA JUGA MAHUKAN KERAJAAN MENGANTUNGAN PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) DAN SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA KE REPUBLIK ITU KETIKA LAWATAN PRESIDEN ISRAEL ITU.

SEMENTARA ITU DI SINGAPURA, ENCIK THARMARATNAM BERKATA BAHAWA BELIAU TELAH MENERIMA ARAHAN DARI WISMA PUTRA YANG MEMINTANYA PULANG KE KUALA LUMPUR UNTUK PERUNDINGAN.

KATANYA, BELIAU AKAN PULANG DALAM BEBERAPA HARI LAGI. -- BERNAMA
2020MST 15 11 86